

Malaysia sokong hapus keseluruhan senjata nuklear

BH - 26/9/2021

mls: 2

Kuala Lumpur: Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob menegaskan Malaysia menyokong penghapusan keseluruhan senjata nuklear dan memberi jaminan supaya ia tidak lagi akan dibangunkan.

Sehubungan itu, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, Malaysia sekali lagi menegaskan bahawa negara ini komited terhadap Triti Mengenai Pengawalan Senjata Nuklear (NPT).

Tegasnya, hal ini kerana pembangunan dan kerahan penggunaan senjata nuklear terus menjadi ancaman terhadap keseluruhan peradaban manusia.

“Mencetuskan krisis kesihatan global, kita kecewa apabila berbilion dolar dibelanjakan untuk mengekal dan memodenkan senjata nuklear, berbanding menyelamatkan nyawa dan mata pencarian.

“Malaysia menyokong penghapusan sepenuhnya senjata nuklear dan memberi jaminan bahawa ia tidak akan dibangunkan lagi. Ini adalah satu-satunya jaminan susulan bencana yang meletus akibat daripada penggunaannya.

“Ke arah pengakhiran ini, Malaysia menyambut baik berkuatkuasanya Triti Mengenai Pengharaman Senjata Nuklear (TPNW) mulai awal tahun ini,” katanya ketika berucap pada Perhimpunan Agung Bangsa-Bangsa Bersatu (UNGA) Ke-76 secara maya, malam tadi.

Perdana Menteri berkata, Malaysia selaku Pengerusi Jawatankuasa Utama 1 Mengenai Pelucutan Nuklear untuk Persidangan Kajian Semula NPT ke-10,

akan berusaha membawa negara yang terbabit dalam ratifikasi itu supaya bersatu padu.

Dalam perkembangan berasingan, Ismail Sabri menegaskan, bahawa Israel mesti dipertanggungjawab dan bertanggungjawab atas semua kesalahannya terhadap Palestin termasuk pelanggaran undang-undang antarabangsa secara terang-terangan.

Katanya, Malaysia juga menyalu-alukan penubuhan suruhanjaya siasatan antarabangsa oleh Majlis Hak Asasi Manusia untuk menyiasat pelanggaran undang-undang hak asasi manusia antarabangsa semasa krisis 11 hari di Palestin, Mei lalu.

Tegas Perdana Menteri, penindasan sistematik terhadap rakyat Palestin selama bertahun-tahun melalui dasar diskriminasi, penolakan hak asas sivil, rampasan tanah berskala besar dan tindakan tidak berperikemanusiaan yang dilakukan terhadap mereka adalah sama dengan apartheid.

“Apartheid masih wujud di dunia ini dan kebanyakan dari kita hanya menutup mata terhadap perkara itu,” katanya.

Mengulas situasi di Myanmar, Ismail Sabri, berkata Malaysia mendesak pihak berkuasa negara itu menerima kunjungan Utusan Khas ASEAN dan membantunya dalam tugas serta mempercepat pelaksanaan ‘Konsensus Lima Perkara’.

Katanya, negara anggota ASEAN mengambil langkah membabitkan diri dengan pihak utama dalam konflik di Myanmar untuk menghulurkan bantuan sekiranya ada peluang.